



SOALAN LAZIM
INSENTIF PROGRAM KERJAYAGIG
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
No. 1 / 2021 | 15 Julai 2021

1. Apakah objektif Program KerjayaGig?

- Program KerjayaGig adalah perluasan skop Insentif Pengambilan Pekerja di bawah **PenjanaKerjaya 3.0** kepada individu yang menganggur lebih daripada 180 hari, individu yang kehilangan pekerjaan dan penganggur dari golongan rentan yang terlibat dalam peluang pekerjaan jangka pendek ataupun pekerjaan gig sehingga mereka dapat memperoleh pekerjaan sepenuh masa.
- Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memindahkan semula tenaga kerja yang tidak digunakan sepenuhnya (underutilised) yang sedang menerima cuti tanpa gaji kepada **pekerjaan sementara atau kerjaya gig**.
- Selain itu, program ini dapat menggalakkan individu mengambil peluang pekerjaan merentasi pekerjaan tidak formal atau kerjaya ekonomi gig.

2. Siapakah yang layak menerima Insentif Pengambilan Pekerja Program KerjayaGig?

- Pekerja formal yang digajikan dan berdaftar dengan PERKESO namun diberikan notis cuti tanpa gaji.
- Individu yang mengalami kehilangan pekerjaan yang telah berdaftar dengan PERKESO.
- Pencari kerja dari golongan rentan. Antaranya, golongan hilang upaya, ibu tunggal, ketua keluarga kurang berkemampuan yang berdaftar dengan e-Kasih, gelandangan dan sebagainya.
- Penganggur tegar termasuk graduan menganggur lebih daripada 180 hari.

Nota: Semua pekerja untuk program ini mesti berumur 18-60 tahun.

3. Apakah jenis pekerjaan sendiri atau pekerjaan gig yang berkelayakan untuk Insentif Program KerjayaGig?

- Organisasi, platform dan pertubuhan termasuk e-hailing, perniagaan digital, sebarang platform pekerjaan sendiri yang berdaftar dengan PERKESO dan menyediakan peluang pekerjaan jangka pendek bagi individu yang tersenarai di Soalan 2, adalah layak menerima Insentif Program KerjayaGig.

4. Apakah bantuan yang tersedia di bawah Insentif Pengambilan Pekerja Program KerjayaGig?

- Insentif sebanyak **RM 600 bagi setiap individu** selagi mana mereka terlibat dengan pekerjaan sendiri/gig sehingga **6 bulan**.
- Insentif berjumlah **RM 200** kepada organisasi, platform atau pertubuhan bagi setiap pengambilan pekerjaan sementara atau gig yang disediakan oleh operator yang berdaftar dengan PERKESO.

5. Apakah syarat yang perlu dipatuhi oleh individu sepanjang menerima insentif Program KerjayaGig?

- Individu yang menerima insentif perlu mengemukakan bukti aktiviti pekerjaan yang disahkan oleh operator, platform atau majikan yang menyediakan pekerjaan sendiri dengan memuat naik Log Aktiviti Gig dan mengisytiharkan telah melalui sistem permohonan PenjanaKerjaya pada setiap bulan untuk menerima bayaran insentif pekerjaan yang berikutnya.
- Orang Bekerja Sendiri yang telah menghantar pembuktian cetakan berkomputer berkenaan pekerjaan yang telah dilaksanakan serta mengandungi letterhead rasmi atau logo operator, platform atau majikan, adalah tidak perlu untuk mendapatkan pengesahan selanjutnya.
- Individu yang ditawarkan pekerjaan sepenuh masa atau pekerjaan secara **Contract of Service** perlu melaporkan status pekerjaan mereka kepada PERKESO dalam tempoh 24 jam menerusi PenjanaKerjaya bagi menamatkan pembayaran insentif seterusnya.

- Individu yang gagal melaporkan akan diarahkan untuk membayar semula jumlah bayaran yang telah diterima kepada PERKESO.

6. Adakah pekerja bebas (freelancers) tanpa operator layak untuk menerima insentif penempatan RM 200?

- Tidak, hanya organisasi, platform atau pertubuhan yang berdaftar dengan PERKESO adalah layak untuk menerima insentif penempatan sebanyak RM200. Pekerja gig hanya berkelayakan untuk menerima insentif RM600 sahaja.

7. Bagaimana individu boleh memohon Inisiatif Program KerjayaGig?

- Individu wajib untuk mendaftar profil di portal www.myfuturejobs.gov.my
- Individu perlu mencari pekerjaan melalui penyedia perkhidmatan (Operator) yang menyediakan pekerjaan sendiri (*freelance*) dan berdaftar dengan PERKESO sahaja.
- Individu yang berjaya diterima kerja perlu memaklumkan kepada penyedia perkhidmatan (Operator) untuk mendaftarkan dirinya di dalam Portal PenjanaKerjaya di bawah program KerjayaGig.
- Setelah permohonan operator diluluskan, individu akan menerima email notifikasi yang mengandungi username dan kata laluan untuk log masuk portal PenjanaKerjaya.
- Individu perlu mengemaskini profil di portal PenjanaKerjaya bagi mendapatkan bayaran bulan pertama di penjanakerjaya.perkeso.gov.my
- Bagi bulan kedua dan seterusnya, OBS hanya perlu **melengkapkan aktiviti log** yang telah disediakan oleh pihak penyelia majikan.

8. Bagaimana Orang Bekerja Sendiri (OBS) boleh membuat permohonan bagi bayaran bulan kedua dan seterusnya?

- OBS perlu memuat naik Log Aktiviti setiap bulan untuk menerima bayaran seterusnya. Sekiranya OBS tidak mengemukakan bukti log aktiviti dalam 60 hari selepas setiap bayaran diterima, permohonan bayaran bulan berikutnya akan terbatal dengan sendirinya.

9. Bagaimana operator boleh memohon Inisiatif Program KerjayaGig?

- Operator wajib mengiklankan jawatan kekosongan di www.myfuturejobs.gov.my dan membuat permohonan insentif kerjayagig melalui penjanakerjaya.perkeso.gov.my

10. Bolehkah individu memohon insentif bekerja di bawah lebih dari dua operator?

- Tidak. Pekerja Gig hanya akan diberikan kelulusan secara first come first serve bagi mengelakkan pertindihan insentif.

11. Bolehkah operator atau platform memohon insentif untuk individu yang sama?

- Tidak. Insentif akan diluluskan secara *first come first serve* bagi mengelakkan pertindihan insentif.

12. Bolehkah individu yang menerima insentif pengambilan pekerja di bawah PenjanaKerjaya memohon untuk insentif Program KerjayaGig?

- Boleh, individu dari Program PenjanaKerjaya yang telah kehilangan pekerjaan atau menerima cuti tanpa gaji adalah layak untuk memohon program KerjayaGig tetapi bukan pada yang sama.

13. Bolehkah individu yang mempunyai majikan membuat pekerjaan gig secara sambilan memohon untuk insentif Program KerjayaGig?

- Tidak, individu yang mempunyai pekerjaan yang tetap atau *Contract Of Service* tidak layak untuk memohon insentif ini, melainkan individu tersebut sedang menerima **Cuti Tanpa Gaji**.

14. Bolehkah golongan rentan yang tidak berdaftar di mana-mana agensi untuk memohon insentif Program KerjayaGig?

- Boleh, tetapi haruslah disusuli dengan Borang Pengesahan Pendapatan dan Tanggungan Isi Rumah yang telah disediakan oleh PERKESO.
- Jumlah pendapatan **golongan miskin tegar** adalah kurang daripada RM1,169, selaras dengan had **Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)** terkini.

- Rayuan bertulis juga boleh dibuat bagi **golongan isi rumah B40** yang mempunyai pendapatan yang kurang daripada RM4,850 sebulan bagi setiap isi rumah **ataupun individu bujang** yang berpendapatan kurang RM2,000 melalui penjanakerjaya@perkeso.gov.my

15. Apakah dokumen yang diperlukan untuk permohonan insentif?

- Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:
 - i. **Borang Pengesahan Pekerjaan Gig (Borang 1)** yang ditandatangani oleh individu bekerja sendiri.
 - ii. **Maklumat akaun bank** individu bekerja sendiri (salinan muka hadapan penyata bank yang mengandungi nama pekerja, nombor akaun bank, kad pengenalan, dan nama bank).
 - iii. Surat atau dokumen mengikut kategori kelayakan.
 - iv. **Emel pengesahan** daripada operator bagi mengesahkan status pekerjaan untuk pekerja sendiri yang baru diambil.

16. Apakah surat atau dokumen sokongan yang lain diperlukan?

- Senarai surat atau dokumen sokongan yang terpakai:
 - i. Pekerja formal yang diberikan **notis cuti tanpa gaji** perlu mengemukakan bukti yang dikeluarkan oleh majikan.
 - ii. Individu yang mengalami kehilangan pekerjaan perlu mengemukakan **bukti perberhentian kerja** daripada majikan terdahulu.
 - iii. Orang Bekerja Sendiri yang ingin membuat permohonan perlu mengisi **Borang Akaun Tidak Bekerja (Borang 3)** yang disahkan oleh Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JKKK setempat/ Pegawai Kerajaan Gred A (Gred 41 dan ke atas) atau yang setaraf dengannya.
 - iv. Pencari kerja dari golongan rentan yang berdaftar perlu mengemukakan bukti pengesahan yang dikeluarkan oleh agensi yang berkaitan yang didaftarkan oleh kerajaan.
 - v. Pencari kerja dari golongan rentan yang tidak berdaftar perlu mengisi **Borang Pengesahan Pendapatan dan Tanggungan Isi Rumah** yang disahkan oleh Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JKKK setempat/ Pegawai Kerajaan Gred A (Gred 41 dan ke atas).

- vi. Penganggur tegar termasuk graduan yang menganggur lebih daripada 180 hari perlu mengisi **Borang akuan** yang telah disediakan oleh PERKESO.

17. Bilakah Program KerjayaGig berkuatkuasa?

- Sebarang penempatan pekerjaan di bawah Program KerjayaGig bermula dari **17 Mac 2021** adalah layak untuk memohon insentif Program KerjayaGig.
- Permohonan bagi insentif bermula pada **1 April 2021**.

18. Bilakah tarikh akhir bagi permohonan insentif Program KerjayaGig?

- Tarikh akhir bagi permohonan insentif Program KerjayaGig adalah pada **31 Disember 2021**.
- Sekiranya permohonan dibuat pada 31 Disember 2021, pekerja sendiri tersebut akan menerima insentif sehingga **30 Jun 2022** ataupun mengikut baki peruntukan dana yang disediakan.

19. Apakah yang akan dilaksanakan oleh PERKESO sekiranya permohonan mengandungi maklumat palsu/tidak tepat?

- PERKESO akan mengambil tindakan berkenaan:
 - i. Menolak permohonan daripada operator dan Orang Bekerja Sendiri (OBS) sekiranya menghantar maklumat palsu atau salah; atau sekiranya Operator dan Orang Bekerja Sendiri (OBS) tidak memenuhi syarat kelayakan.
 - ii. Menangguhkan atau menghentikan pembayaran sekiranya permohonan adalah didapati mengandungi maklumat palsu/salah, atau sekiranya Operator dan Orang Bekerja Sendiri (OBS) tidak memenuhi syarat kelayakan.
 - iii. Mengambil tindakan undang-undang bagi menuntut semula bayaran yang telah dibuat kepada Operator dan Orang Bekerja Sendiri (OBS) sekiranya pembayaran tersebut dibuat berdasarkan maklumat palsu atau tidak tepat daripada mana-mana pihak/atau sekiranya tidak memenuhi syarat yang ditetapkan selepas menerima pembayaran.

20. Bagaimana untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan insentif Program KerjayaGig?

- Kunjungi www.perkeso.gov.my atau www.myfuturejobs.gov.my
- Individu yang berminat boleh juga menghubungi talian perkhidmatan khas kami di 03-80915300 / 1-300-22-8000 atau emel kepada kerjayagig@perkeso.gov.my

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

15 JULAI 2021